

06 JUL 2002

RAKAN SEDARJAH PM MENINGGAL DUNIA

SUNGAI PETANI, 6 Julai (Bernama) -- Syed Jaafar Syed Muhammad, rakan sedarjah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar pada tahun-tahun sebelum Perang Dunia Kedua, meninggal dunia di sini, hari ini.

Menurut seorang anggota keluarga, Syed Jaafar, yang berusia 78 tahun merupakan bekas ketua kerani dengan perkhidmatan awam Kedah.

Beliau dikatakan menghidap barah.

Syed Jaafar meninggalkan 10 orang anak, termasuk anak sulungnya Pengurus Besar BERNAMA Syed Jamil, Pengarah Pembangunan Negeri Kedah Datuk Syed Jamal dan pengurus RHB Bank, Syed Jalil.

Jenazah Allahyarham akan dikebumikan di tanah perkuburan Islam Penghulu Him selepas sembahyang Zohor hari ini.

Antara yang datang untuk memberi penghormatan terakhir ialah Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zin.

-- BERNAMA

JM AFY PR